

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]
TARIKH : 29 NOVEMBER 2017
SOALAN : 46

YB Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai pandangan berdasarkan suatu kajian baru yang menunjukkan kesan sampingan dan buruk daripada Triclosan yang terkandung dalam beberapa produk pengguna seperti ubat gigi yang mana potensinya mampu mengekalkan daya tahan bakteria sehingga boleh menyebabkan kesukaran untuk merawat penyakit gingivitis.

Tuan Yang di-Pertua,

Triclosan adalah merupakan satu sebatian anti-mikrobal berspektrum luas yang banyak digunakan sebagai salah satu bahan aktif di dalam kebanyakan produk penjagaan diri, seperti sabun antiseptik dan ubat gigi.

Sebagai makluman, penyakit gingivitis / radang gusi merupakan satu penyakit pergigian yang disebabkan oleh plak gigi. Kementerian mengambil maklum bahawa terdapat dakwaan berkaitan triclosan mampu mengekalkan daya tahan bakteria sehingga boleh menyebabkan kesukaran untuk merawat penyakit gingivitis. Namun, satu kajian yang

komprehensif oleh *Cochrane Database of Systematic Reviews* pada tahun 2013 mendapati penggunaan ubat gigi yang mengandungi triclosan dapat mengurangkan pembentukan plak gigi sebanyak 22%, mengurangkan radang gusi / gingivitis sebanyak 22% serta mengurangkan pendarahan gusi sebanyak 48%.

Satu kajian *randomized clinical trial* terbaru yang diterbitkan pada tahun ini (2017) oleh *Quintessence International* pula mendapati memberus gigi sebanyak dua (2) kali sehari dengan ubat gigi yang mengandungi triclosan adalah lebih berkesan untuk mengawal plak gigi dan menjaga kesihatan gusi berbanding ubat gigi yang tidak mengandungi triclosan.

Di Malaysia, kandungan triclosan di dalam ubat gigi dikawalselia oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara KKM. Semua produk ubat gigi yang mengandungi triclosan wajib bernoifikasi berdasarkan garis panduan '*Guidelines for Control of Cosmetics Products in Malaysia*' terbitan Bahagian ini. Kepekatan triclosan yang dibenarkan didalam ubat gigi tidak boleh melebihi 0.3% dan didalam ubat kumur 0.2%. Kadar kepekatan triclosan yang dibenarkan dalam ubat gigi ini sama sepertimana di negara-negara lain seperti di Amerika Syarikat, Canada dan New Zealand. Selain itu, bahan ini juga wajib dinyatakan dengan jelas pada label produk bagi memberi pilihan kepada pengguna.

Kesimpulannya, penggunaan ubat gigi yang mengandungi triclosan adalah berkesan dalam mengurangkan penyakit gingivitis. Sehingga kini, tiada bukti saintifik yang menunjukkan triclosan mampu mengekalkan daya tahan bakteria dan boleh menyebabkan kesukaran untuk merawat penyakit gingivitis. Namun, Kementerian akan terus memantau perkara ini sehingga bukti saintifik diperolehi. Oleh itu, penggunaan ubat gigi yang mengandungi

93

triclosan masih boleh digunakan selagi produk mematuhi piawaian yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Di Malaysia, triclosan dibenarkan sebagai bahan pengawet di dalam kategori produk kosmetik tertentu sahaja termasuk ubat gigi sehingga had maksima 0.3%. Had ini turut digunakan di negara-negara ASEAN dan negara Kesatuan Eropah.

Berdasarkan bukti saintifik sedia ada, penggunaan triclosan pada kepekatan yang dihadkan didapati tidak mendatangkan kemudaratan kepada pengguna dan alam sekitar.

KKM menjalankan penilaian secara berterusan terhadap aspek keselamatan, kualiti dan tuntutan yang digunakan bagi sesuatu produk kosmetik yang dipasarkan. Sebarang maklumat terkini yang berkaitan dengan isu-isu keselamatan sesuatu bahan di dalam produk kosmetik akan dinilai berdasarkan kajian saintifik dan data yang relevan yang dilaporkan di peringkat antarabangsa atau kajian di peringkat tempatan. Tindakan regulatori yang sewajarnya akan diambil jika diperlukan untuk kepentingan pengguna di negara ini.

Soalan (47)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29 NOVEMBER 2017
[RABU]

DARIPADA : YB PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI
MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]

SOALAN :-

YB PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah Kerajaan Pusat sedia menyalurkan peruntukan khas untuk membaik pulih longkang dan saluran yang tersumbat dalam Parlimen Rantau Panjang yang boleh menyebabkan air bertakung dan membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang kurang kemampuan kewangan untuk melaksanakannya.

95

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kerja-kerja baik pulih / naik taraf dan bina baru adalah termasuk di bawah peruntukan BP.1 manakala bagi kerja-kerja selenggara dan membaiki adalah tertakluk di bawah peruntukan Kerajaan Negeri.

Sehingga kini Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) masih belum menerima sebarang permohonan daripada Majlis Daerah Rantau Panjang untuk kerja membaik pulih longkang dan saluran yang tersumbat.

Untuk tahun 2017, KPKT telah meluluskan 11 projek di kawasan Rantau Panjang yang melibatkan projek menaik taraf pasar, jalan raya, pencahayaan, membina astaka dan membina gerai dengan peruntukan sebanyak RM1,460,000.00.